

30 MAR 2000

Sanggang-Abdullah

SANGGANG BUKAN MASALAH ANTARA MELAYU SAHAJA, KATA ABDULLAH

MENTAKAB, 30 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menangkis dakwaan kalangan pembangkang kononnya pilihan raya kecil negeri kawasan Sanggang Sabtu ini merupakan masalah antara orang Melayu sahaja, dan kaum Cina serta India tidak perlu keluar mengundi.

Timbalan Perdana Menteri berkata penyokong pembangkang menyebarkan dakwah kononnya kaum lain tidak perlu campur tangan dalam pertandingan antara Barisan Nasional (BN) yang diwakili Redzwan Harun dan Pas oleh Datuk Hishamuddin Yahaya.

"Mereka sebarkan kononnya kerana ini adalah masalah Melayu yang bertanding antara BN dengan Pas, jadi orang Cina tidak perlu ambil bahagian," katanya pada persidangan berita selepas berjalan kaki melawat pekedai dan berjumpa orang ramai di bandar ini selama kira-kira dua jam hari ini.

Beliau diiringi Redzwan, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno, Anggota Parlimen Mentakab Fu Ah Kiow dan bekas Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dan para pemimpin BN tempatan.

Beliau berkata perbuatan pembangkang itu tidak bertanggungjawab kerana rakyat seharusnya digalakkan lebih ramai lagi mendaftar untuk mengundi, yang menjadi hak yang sangat penting dalam negara demokratik bagi menentukan kerajaan dan wakil rakyat untuk mewakili mereka.

Abdullah yang juga menteri dalam negeri menyeru pengundi keturunan Cina dan India supaya keluar mengundi dan menggunakan hak yang tidak ternilai harganya itu untuk mengundi dan menentukan siapa wakil rakyat yang mereka mahu.

"Ini sangat penting untuk mereka ingat dan keluarlah beramai-ramai mengundi," katanya sambil mengulangi jaminan supaya jangan bimbang dengan cakap-cakap kononnya akan berlaku kekacauan dan pergaduhan.

"Ini bukanlah satu perkara yang sepatutnya membimbangkan mereka. Hak mereka untuk mengundi kita jamin," katanya.

Beliau berkata polis akan pastikan pada hari mengundi semuanya berada dalam aman dan proses pengundian akan berjalan dengan baik dan siapa juga yang hendak mengundi berpeluang mengundi.

Menurutnya, pembangkang menyebar khabar-khabar angin itu kerana sokongan kaum Cina dan India terhadap BN sangat baik dan pembangkang menggunakan strategi jahat itu untuk menghalang mereka keluar mengundi menyokong BN.

Abdullah, yang menang secara tidak rasmi sebagai Timbalan Presiden Umno beberapa hari lepas, berkata beliau juga tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Pas bahawa Anggota Parlimen BN khususnya dari Umno angkuh dan akan menyebabkan BN kalah di Sanggang.

"Saya tak tahu apa yang dimaksudkan kita angkuh. Hari ini kita berjalan merata tempat berjumpa rakyat dan disambut begitu baik," katanya.

Beliau berkata ucapan-ucapan beliau sepanjang kempen di sini, yang mendapat perhatian serius daripadanya sendiri, juga tidak menyentuh peribadi, tidak menghentam dan tidak mengata terhadap para pemimpin Pas.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor beberapa hari lepas kononnya orang Umno sendiri mengakui kepadanya bahawa pemimpin Umno angkuh dan akan menyebabkan kekalahan BN di sini.

"Sebaliknya mereka yang angkuh mengeluarkan kata-kata yang bukan-bukan yang tak sepatutnya dikeluarkan oleh pemimpin Islam," kata Abdullah.

Katanya, perbuatan mereka memaki hamun dan menghina pemimpin Umno

termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seolah-olah tidak ada had lagi untuk mereka menghina.

Strategi itu, menurutnya, sebenarnya datang daripada orang yang angkuh yang rasa mereka akan menang pada pilihan raya kecil ini yang melibatkan 15,276 pengundi.

-- BERNAMA

MNY NMO